



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA  
(IJHAM)  
[www.ijham.com](http://www.ijham.com)



PEMBENTUKAN STRUKTUR PLOT FILEM MUZIKAL  
MAGIKA 2010 MELALUI CIRI DAN FUNGSI LAGU DALAM  
ELEMEN NARATIF TODOROV

*FORMATION OF THE PLOT STRUCTURE OF MAGIKA 2010 MUSICAL FILM  
THROUGH CHARACTERISTICS AND FUNCTIONS OF SONGS IN TODOROV'S  
NARRATIVE ELEMENTS*

Faezahnor Saddi<sup>1</sup>, Zairul Anwar Dawam<sup>2</sup>, Fazmi Hisham<sup>3</sup>

- <sup>1</sup> Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: hellofaezahs@gmail.com
- <sup>2</sup> Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: zanuar@ums.edu.my
- <sup>3</sup> Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mfazmi@ums.edu.my
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 20.07.2022  
Revised date: 30.07.2022  
Accepted date: 09.08.2022  
Published date: 01.09.2022

**To cite this document:**

Saddi, F., Dawam, Z. A., & Hisham, F. (2022). Pembentukan struktur plot filem muzikal Magika 2010 melalui ciri dan fungsi lagu dalam elemen naratif Todorov. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 5 (18), 16-29.

DOI: 10.35631/IJHAM.518002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Genre filem muzikal merupakan bentuk filem hiburan yang dipandu dalam bentuk nyanyian dan diiringi oleh muzik diagetik dan non diagetik yang membentuk struktur plot sesebuah cerita. Setiap lagu yang dinyanyikan berfungsi dalam menggerakkan plot cerita agar ia mudah difahami dan diterima oleh audiens yang menonton. Namun, kesukaran dalam mendalami dan memahami terhadap susunan muzikal pada que plot naratif akan menyebabkan naratif plot tidak menarik dan membosankan. Oleh yang demikian, untuk memahami pembentukan struktur plot melalui ciri dan fungsi lagu, pengkaji telah mengaplikasikan elemen naratif Todorov kepada 2 buah lagu dari filem muzikal Magika (2010) sebagai analisis kajian kes. Pemilihan filem Magika adalah berdasarkan pencapaian filem yang telah merangkul anugerah sebagai filem terbaik dan skor muzik asal terbaik di Festival Filem Malaysia yang ke-23. Metod kajian dijalankan melalui temubual secara berperingkat dengan menemubual beberapa pengarah filem dan composer, catatan dan pemerhatian karya filem Magika (2010). Kemudian kajian analisis juga dilakukan dengan menggunakan teori Conceptual Integration Networks dalam mengkaji makna lirik. Hasil kepada pembaharuan kajian, pengkaji mendapati pembentukan naratif plot filem muzikal Magika adalah disebabkan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh kesemua watak-watak yang terbina daripada elemen lagu dan struktur plot melalui teori naratif Todorov. Hasil daripada kajian ini juga, turut

memberikan implikasi kepada penggiat filem, golongan pendidik, dan pelajar dalam memahami kepentingan fungsi lagu dalam genre filem muzikal.

**Kata Kunci:**

Naratif Todorov, Fungsi lagu, Elemen Lagu, Conceptual Integration Networks, Filem Muzikal, Malaysia, Filem *Magika*.

**Abstract:**

The musical film genre is a form of entertainment film guided in the form of singing and accompanied by diegetic and non-diegetic music that forms the plot structure of a story. Each song that is sung works in moving the plot of the story so that it is easily understood and accepted by the watching audience. However, the difficulty in deepening and understanding the musical arrangement of the narrative plot will cause the plot narrative to be uninteresting and boring. Therefore, to understand the formation of the plot structure through the characteristics and functions of the song, the researcher has applied Todorov's narrative elements to 2 songs from the musical film *Magika* (2010) as a case study analysis. The selection of *Magika* films is based on the achievements of films that have won awards for best film and best original music score at the 23rd Malaysian Film Festival. The research method is conducted through interviews in stages by interviewing several film directors and composers, notes and observations of the film *Magika* (2010). Then the analysis study is also done by using the theory of Conceptual Integration Networks in studying the meaning of the lyrics. As a result of the research update, the researcher found that the narrative formation of the plot of the musical film *Magika* is due to the songs sung by all the characters that are built from song elements and plot structure through Todorov's narrative theory. The results of this study also provide implications for film makers, educators, and students in understanding the importance of song functions in the musical film genre.

**Keywords:**

Todorov's Narratives, Song Function, Song Element, *Conceptual Integration Networks*, Musical film, Malaysia, *Magika* film.

**Pengenalan**

Ciri dan fungsi lagu amat penting dalam filem muzikal. Ia mempengaruhi naratif atau penceritaan filem tersebut. Ini dinyatakan oleh Katja Plemenitas (2016) bahawa, semua lagu dalam muzikal, samada *non-diegetic* dan *diegetic*, pada dasarnya dinilai dari sifat fungsi lagu dalam filem muzikal itu sendiri. Pernyataan masalah ini disokong oleh Hassan Abdul Muthalib (2019), yang menyatakan kurangnya pemahaman terhadap konsep filem muzikal menyebabkan muzik dan lagu tidak tercapai melalui naratif plot.

“In musical films, on the other hand, the non – diegetic use of songs is part of the narrative flow of the film, similar to that of the spoken dialogue, and as such it can occupy a variety of different positions on the interpersonal and experimental distance continuum depending on the requirements of the story”.

(Katja Plemenitas, 2016)

Jika sesebuah filem muzikal hanya menghasilkan lagu semata-mata untuk mengisi ruang cerita dan tidak mengambil berat tentang fungsi lagu dalam struktur naratif, maka mesej yang ingin disampaikan tidak jelas dan akan menyebabkan penonton tidak merasa kenikmatan kreativiti yang dihasilkan oleh filem muzikal tersebut. Hal ini kerana, dalam penciptaan sesebuah lagu genre filem muzikal perkara asas seperti nilai-nilai emosi lagu, ciri-ciri lagu dan fungsi kepada naratif plot filem muzikal amat penting (Norman Abd Halim, 2019) agar jalan cerita tampak murni, menyeronokkan, menghiburkan untuk ditonton. Untuk memastikan penonton memahami plot sesebuah filem muzikal, penghasilan lagu dalam filem muzikal juga harus disesuaikan dengan struktur plot. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk menganalisis ciri-ciri lagu dalam pembentukan elemen naratif filem muzikal Magika yang menjawab persoalan kajian iaitu apakah ciri-ciri lagu dalam pembentukan elemen naratif filem muzikal Magika. Untuk menganalisis kajian ini, pengkaji menggunakan teori Todorov dalam menganalisis pembentukan naratif plot filem muzikal Magika.

Todorov (1960) menjelaskan naratif bermula dengan elemen pertama iaitu Equilibrium. Peringkat pertama adalah tahap dimana pengenalan kepada watak-watak, latar belakang, dimana keadaan belum diganggu, mempunyai kehidupan yang aman dan semuanya berjalan normal. Todorov menjelaskan, dalam elemen ini, audiens mampu memahami tetapan dan pengenalan terhadap watak yang membangunkan cerita. Ia menunjukkan hubungkait diantara satu watak dengan watak yang lain, matlamat dan motivasi watak serta perwatakan dalam sesebuah cerita. Elemen kedua dalam model naratif Todorov adalah Disruption iaitu siri peristiwa yang membina yang mewujudkan ketegangan. Pada tahap ini, terdapat masalah yang mengganggu kehidupan watak ataupun berlaku gangguan daripada watak antagonis. Situasi ini menonjolkan penceritaan makin berkembang dan membawa naratif itu semakin menarik. Dalam elemen ini juga menunjukkan watak utama mula dikaitkan dengan watak-watak yang baru dalam mengembangkan naratif. Apabila berlakunya disruption ataupun gangguan dalam kehidupan watak utama, secara automatik watak membawa kepada peringkat ketiga yang dipanggil Recognition (Realisation). Elemen Recognition ataupun realisasi adalah tahap apabila watak antagonis menyedari masalah dan punca kekacauan berlaku. Elemen ini menerangkan punca konflik yang diganggu watak protagonis dapat dilihat semakin tegang. Daripada permasalahan kekacauan yang berlaku, watak-watak sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah dari kekacauan tersebut yang mana tahap ini dipanggil Repair. Elemen keempat iaitu Repair adalah tahap klimaks dan juga perjuangan terakhir para watak-watak. Dalam tahap keempat menjelaskan penentuan kepada titik perubahan terhadap nasib yang menimpa protagonis sama ada secara positif mahupun negatif. Tahap terakhir adalah Restoration atau New Equilibrium yang mempunyai hubungan dengan restoration yang membawa kepada penyelesaian. Ia berfungsi sebagai penjelasan ataupun keputusan hasil daripada elemen restoration. Elemen terakhir ini juga secara tidak langsung memberikan perasaan lega kepada audiens. Ia menunjukkan bahawa masalah telah diselesaikan dan keadaan menjadi normal semula, watak-watak juga kembali damai.

### **Tinjauan Literatur**

Kajian literatur ini memberi ruang dan usaha kepada pengkaji dalam mengumpulkan bahan penulisan terdahulu yang berkaitan untuk mengembangkan pengetahuan awam mengenai tajuk kajian yang merangkumi konsep lagu, naratif dan genre filem muzikal Malaysia. Walaupun kajian analisis terhadap genre filem muzikal tempatan sangat kurang dikaji namun, pengkaji telah meneliti kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang lagu dan muzik dalam filem untuk melihat fungsi kewujudan lagu-lagu dalam naratif. Kajian lepas yang dihasilkan oleh Khairil Anwar (2015) yang bertajuk “Fungsi lagu dalam filem: Ibu Mertuaku” menyentuh

kepentingan elemen muzik dan lagu yang memberi impak kepada plot cerita tersebut. Dalam penulisan kajian beliau, aplikasi fungsi lagu muzik di dalam filem *Ibu Mertuaku* (1962) memfokuskan fungsinya yang formal, terhadap naratif serta pada emosi. Keupayaan sumber naratif muzikal filem *Ibu Mertuaku* mampu untuk memenuhi perspektif focus kajian tersebut dijelaskan dengan terperinci melalui ciri-ciri muzikal filem *Ibu Mertuaku*. Ini membuktikan bahawa genre muzik dan nyanyian yang disesuaikan dengan plot naratif telah memberikan kesan emosi yang mendalam kepada penonton. Walaupun kajian beliau hanya mengkaji fungsi lagu dalam filem *Ibu Mertuaku*, namun kajian terhadap penciptaan lagu yang berfungsi sebagai penggerak sesuatu plot cerita masih belum dikaji dan dianalisis. Kewujudan lagu-lagu dalam filem *Ibu Mertuaku* dianalisis hanya memfokuskan tahap keupayaannya dalam mencetuskan emosi cerita tersebut sahaja dan lagu tidak menggerakkan naratif. Kelompangan kajian tersebut membuka ruang untuk pengkaji meneliti dengan lebih mendalam lagi terhadap fungsi lagu dalam genre filem muzikal. Seterusnya kajian oleh Muhamad Faisal Ahmad (2019) yang bertajuk “Teater muzikal Melayu: Satu Kajian Terhadap Struktur Persembahan Melalui Pembentukan Dramatik”, yang mana menyentuh tentang penggunaan muzik dan lagu dalam membentuk kesan dramatik melalui persembahan pentas. Dalam penulisan kajian beliau, muzik dan lagu adalah sumber penting dalam persembahan. Kajian tersebut telah memberi ruang untuk mengisi jurang kajian terhadap genre filem muzikal Malaysia. Walaupun kajian beliau bukan menyentuh filem muzikal, namun teater dan filem muzikal tidak jauh bezanya kerana kedua-duanya mementingkan fungsi lagu dalam menggerakkan suatu plot cerita samada filem ataupun pentas teater muzikal.


Oleh yang demikian, hasil rumusan sorotan literatur ini diharapkan mampu mengisi lompong kajian yang belum diterokai dalam genre filem muzikal Malaysia dengan harapan ia mampu memberikan satu jawapan melalui analisis yang dijalankan kepada kajian kes ini dan juga dapat dijadikan bahan sokongan dan panduan sama ada dari segi teoritikal mahupun emperikal untuk perkembangan kajian dimasa hadapan.

### **Metodologi Kajian**

Analisis penulisan ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu proses analisis lagu terhadap struktur naratif dalam visual filem muzikal *Magika*. Sumber utama seperti buku, jurnal, artikel serta tesis telah dimanfaatkan demi menyokong data kajian ini. Selain itu juga pengumpulan data seperti menemubual produser filem *Magika* dan beberapa pengarah filem dan composer juga turut dilaksanakan untuk mengukuhkan lagi analisis kajian. Dalam menganalisis ciri dan fungsi lagu dalam struktur filem *Magika*, pengkaji menggunakan teori naratif Todorov sebagai menyokong pergerakan dua buah lagu yang dipilih dalam filem ini.

Elemen lagu berdasarkan konteks visual struktur penceritaan filem sebagai tunjang utama dihuraikan secara ilmiah dan terperinci bagi menjelaskan makna dalam filem ini. Kemudian pengkaji turut menggunakan model *Conceptual Integration Networks* oleh Fauconnier dan Turner (2002), yang menawarkan satu pendekatan alternatif terhadap pembinaan makna dalam korelasi metafora. Teori ini dikembangkan lagi oleh Coulson dan Oakley yang memberikan pandangan mengenai cara berfikir, mencipta dan memahami dunia di sekitar kita dalam kedua-dua campuran linguistik dan bukan linguistik. Menurut Coulson dan Oakley (2000), *Blending Theory* menyajikan cara untuk mewujudkan hubungan antara pemahaman Bahasa kita dengan cara kita memahami pemikiran dan kegiatan manusia secara umum. Menurut Juan R Chattah (2016) dalam kajian thesis beliau yang bertajuk ‘*Semiotics, Pragmatics, and Metaphor In Film Music Analysis*’ Penggunaan teori *Conceptual Integration Network* telah membantu untuk

menerangkan fungsi muzik dan lagu dalam filem. Fungsinya adalah untuk melihat kerelevanan penggunaan muzik dan lagu dalam sesebuah naratif filem.



**Rajah 1: Teori Conceptual Integration Networks**

Sumber: (Fauconier and Turner, 2002)

**Jadual 1: Senarai Analisis Lagu Filem Magika (2010)**

Bil.	Tajuk Lagu	Genre Lagu
1.	Rahsia Awet Muda	Vaudaville
2.	Siapa Lebih Berkuasa	Rock

Sumber: (Filem Magika, 2010)


Teori Conceptual Integration Network (CIN) oleh Fauconnier dan Turner (2002) digunakan untuk menganalisis ciri dan fungsi dua buah lagu seperti makna lirik, melodi dan nyanyian watak kepada keseluruhan naratif filem. Ia meliputi tema, watak perwatakan dan plot (sebab dan akibat) filem tersebut. Skop kajian hanya menumpukan kepada dua buah lagu 'Rahsia awet muda' dan 'Siapa lebih berkuasa' kerana kedua lagu tersebut membawa plot cerita semakin berkembang setelah memasuki elemen ketiga iaitu Recognition dan elemen keempat iaitu Repair. Analisis makna dan lirik lagu digunakan untuk melihat kebersamaan nyanyian lagu dengan struktur plot yang terdapat pada elemen recognition dan repair. Kajian ini akan menerangkan bagaimana ciri, fungsi dan makna lagu dalam bentuk deskriptif berserta jadual dan rajah membantu elemen naratif atau penceritaan filem ini.

### Analisis Kajian

Tzvetan Todorov (1960) telah memperkenalkan 5 buah elemen yang bermula dengan Equilibrium, Disruption, Recognition, Repair dan akhir sekali adalah Restoration. Keseluruhan elemen ini telah membentuk perjalanan sesebuah cerita agar lebih menarik dan mengujakan audiens.



**Rajah 2: Jumlah Lagu yang Dianalisis Menggunakan Teori Naratif Todorov**



(Sumber: Naratif Todorov 1960)

**Rajah 3: Jumlah Lagu Yang Dianalisis Menggunakan Teori Naratif Todorov**



Rajah 3 menunjukkan jumlah keseluruhan lagu-lagu yang dianalisis mengikut setiap elemen dalam naratif Todorov. Berdasarkan daripada elemen ketiga iaitu elemen *Recognition* tahap dimana plot cerita harus digarap dengan baik kerana elemen ini akan menjadi titik keterujaan berlaku. Ini kerana, pada elemen ini watak antagonis akan menunjukkan kekuasaan, kemampuan kepada pihak lawan. Semasa babak dalam elemen *Recognition*, ia bukan sahaja membongkar watak antagonis malah ia akan menjadikan tanda kepada penghancuran bakal berlaku yang akan menyebabkan watak protagonis muncul. Apabila perjalanan cerita mula menaik ke babak seterusnya, cerita semakin mencabar dan ia mampu menarik minat audiens untuk mengikuti plot-twist yang mengujakan. Sebab dan akibat daripada elemen *Recognition* inilah yang mendorong kepada elemen seterusnya iaitu elemen *Repair*. Konfrontasi yang berlaku dalam elemen *Repair* merupakan babak yang paling penting dan jika elemen ini tidak

kuat dalam menggerakkan plot, ia akan menjadikan klimaks cerita tidak memberikan impact yang cukup dan bosan untuk ditonton. Oleh itu, untuk memahami fungsi kepentingan lagu-lagu dalam filem muzikal, seorang pengarah dan komposer harus memahami dan memberikan perhatian kepada elemen *Recognition* dan *Repair* untuk menjadikan ia sebuah filem muzikal yang dapat menarik penonton.

### Elemen *Recognition* dalam lagu *Rahsia Awet muda*.

Elemen *Recognition* adalah tahap yang mampu menimbulkan kesatu tingkat emosi para audiens dimana perasaan keterujaan, debaran, kegembiraan, kebencian mahupun kesedihan dapat dirasakan. Plot yang berlaku dalam elemen *Recognition* juga secara automatik akan menarik audiens untuk terus menonton ataupun melanjutkan perasaan *curiosity* untuk mengetahui apakah cerita selanjutnya sekaligus membawa audiens ke elemen seterusnya. Ini bermaksud, elemen *Recognition* merupakan elemen yang penting kerana ia mampu memberikan satu gambaran awal bagaimana pengakhiran plot cerita tersebut berakhir samada dengan positif ataupun negatif.

**Rajah 4: Elemen Recognition**

Visual Adegan filem muzikal Magika		Data Maklumat
		Tajuk Lagu: <i>Rahsia awet muda</i> Jam/ Minit: 00:31:39 Watak: Nenek Kebayan Genre Lagu: Vaudaville
		

(Sumber: Filem *Magika* 2010)

Berdasarkan Rajah 3 dalam elemen *Recognition*, adegan memaparkan Nenek Kebayan sedang memperkenalkan jamu awet muda yang telah dihasilkan kepada seluruh penduduk Magika. Dalam lagu tersebut, dapat digambarkan keangkuhan watak nenek kebyan kerana kemampuannya dalam menghasilkan ramuan awet muda yang ajaib. Pada elemen *Recognition*, audiens dapat mengenalpasti bahawa punca Malik diculik adalah disebabkan ingin mengambil air mata daripada Malik dengan cara paksaan. Tindakan jahat Nenek Kebayan tidak diketahui oleh penduduk Magika dan menyebabkan Nenek Kebayan semakin berkuasa. Kehebatan Nenek Kebayan menghasilkan jamu ajaib memberikan tanda tanya kepada seluruh penduduk Magika bagaimanakah Nenek Kebayan mampu menghasilkan jamu yang mampu mengubah kecantikan seseorang dengan sekelip mata. Lagu *Rahsia Awet Muda* ini sedikit sebanyak membentuk watak Antagonis Nenek Kebayan yang angkuh dan sombong.

### Elemen *Repair* dalam lagu *Siapa Lebih Berkuasa*.

Pada tahap ini, audiens dipertontonkan elemen klimaks yang berlaku dimana watak antagonis dan protagonis bertemu. Elemen *Repair* juga adalah keadaan dimana watak protagonis akan menunjukkan keberanian dalam menentang watak antagonis samada melakukan kejahatan mahupun kerosakan. Pertemuan antara kedua-dua watak ini akhirnya akan membawa kepada

pengakhiran yang akan membuat penonton merasa teruja, gembira, kekecewaan dan juga kesedihan.

**Rajah 5: Elemen Repair**

Visual Adegan filem muzikal Magika		Data Maklumat
		Tajuk Lagu: Siapa Lebih Berkuasa Jam/ Minit: 00:47:20 Watak: Nenek Kebayan, Badang, Ayu, Malik Genre Lagu: Rock

(Sumber: Filem Magika 2010)

Berdasarkan rajah 4 dalam elemen *Repair*, watak Nenek Kebayan, Ayu, Badang dan Malik bertemu pada adegan ini ketika nyanyian lagu Siapa Lebih Berkuasa dinyanyikan. Daripada lagu ini, secara langsung telah membawa penonton melihat kesemua watak-watak sedang berjuang menentang watak Antagonis iaitu Nenek Kebayan yang telah menculik Malik demi kekuasaan sendiri. Pada elemen *Repair*, audiens dapat menyaksikan lagu Siapa Lebih Berkuasa membawa kemuncak untuk menyelesaikan semua pertelingkahan sebelum ia berakhir samaada secara positif ataupun negatif. Plot cerita pada elemen ini semakin menarik kerana ia membawa audiens merasakan debaran dalam masa yang sama hiburan juga disajikan.

### Hasil Kajian dan Perbincangan

Ciri dan fungsi lagu yang terdapat pada lagu Rahsia awet muda yang dinyanyikan oleh watak Nenek Kebayan bersesuaian dengan elemen beats yang dicadangkan oleh Todorov iaitu dalam elemen *Recognition*. Elemen yang menunjukkan kekuasaan watak Antagonis dipersembahkan kepada penonton telah membangkitkan keterujaan dan jalan cerita semakin menarik. Ini dapat dilihat pada baris lirik lagu Rahsia awet muda pada baris pertama yang berbunyi, “*Jika ada masalah dalam kehidupan carilah ku panggil saja nenek kebyan, ku tiba hanya dalam sekelip mata*” Rangkap lirik tersebut memperlihatkan perwatakan nenek kebyan yang sombong dan angkuh yang suka menunjukkan kekuasaannya. Analisis elemen *Recognition* melalui lagu Rahsia awet muda dapat diterangkan pada ciri-ciri lagu dan bentuk emosi yang ingin disampaikan melalui lagu tersebut (Jadual 2).

**Jadual 2 Ciri-Ciri Lagu Rahsia Awet Muda Dalam Elemen *Recognition***


Ciri-ciri lagu	Bentuk Emosi/ perwatakan	Elemen Todorov/ Adegan visual
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Genre lagu: <i>Vaudeville</i></li> <li>- Instrumen Muzik: Violin, Piano, Brass, Simfonik Orkestra.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Angkuh</li> <li>ii. Sombong</li> <li>iii. Ego</li> <li>iv. menjengkelkan</li> </ul>	<b><i>Recognition</i></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Elemen yang menjelaskan tentang watak antagonis dalam menunjukkan kekuasaannya.</li> </ul>



<ul style="list-style-type: none"><li>- Melodi – Fleksibel, <i>upbeat</i>.</li><li>- <i>Tempo: 126BPM</i></li><li>- Struktur lirik: Verse 1, Pra-korus, Korus, Verse 2, Pra- korus, Korus.</li></ul>		
--	--	--

Berdasarkan daripada jadual 2, menunjukkan ciri-ciri lagu, bentuk emosi/ perwatakan dan elemen Todorov yang terdapat dalam lagu *Rahsia awet muda*. Lagu ini berbeza dengan yang lain kerana membawa genre lagu *vaudeville*. Menurut Robert W. Snyder (2000), istilah *Vaudeville* berasal dari teater di Paris, yang merupakan kata asal dari *Vaux-de-vire*, yang membawa maksud 'lagu-lagu lembah vire'. Ia akhirnya berkembang menjadi bentuk drama muzikal yang mana setiap dialog akan diiringi nyanyian. Melalui lagu ini, penggunaan instrument muzik dapat dikenalpasti apabila orchestra berskala besar dihasilkan seperti yang dapat didengar adanya penggunaan instrument brass orchestra dalam lagu *Rahsia awet muda*. Tempo daripada lagu ini menghasilkan 126MBP, menunjukkan kelajuan tempo diselarikan dengan mood yang dinyanyikan dengan perwatakan Nenek Kebayan dengan gaya dan gerak tubuh yang menjengkelkan. Seterunya melihat dari makna lirik lagu dapat mengukuhkan struktur plot yang dicadangkan oleh Todorov (1960) dalam elemen *Recogniton*. Struktur lagu *Rahsia awet muda* sedikit berbeza dengan lagu lain yang terdapat dalam filem *Magika*. Lagu *Rahsia awet muda* mempunyai pra-korus sebelum bahagian korus dinyanyikan. Menurut Cox (2001), pra-korus dikenali sebagai "Jambatan peralihan", "membina", atau "saluran". Pra-korus menghubungkan ayat ke bahagian korus dengan perantara menggunakan chord subdominant yang berbeza tetapi diselarikan secara harmoni. Pra Korus juga sebagai satu tanda sebelum ke bahagian utama dalam struktur lagu. Untuk menjelaskan sebahagian lirik lagu *Rahsia awet muda* dengan lebih terperinci dapat diperhatikan melalui teori *Concept Integration Networks* (Rajah 6).

### Rajah 6. Lagu Rahsia Awet Muda dalam Teori Conceptual Integration Networks Melalui Elemen Recognition.



Sumber: Filem muzikal Magika 2010, Conceptual Integration Networks.

Berdasarkan Rajah 6 diatas, *input space 1* ialah visual atau adegan dalam cerita tersebut yang mana memaparkan Nenek Kebayan sedang membawa jamu ajaibnya untuk diperkenalkan kepada seluruh penduduk kampung dan Puteri Gunung Ledang. Manakala *input space 2* adalah rangkap lirik pertama yang menjelaskan tentang pengenalan diri Nenek Kebayan yang menunjukkan kehebatan kuasa ajaib yang dimilikinya telah menggambarkan bahawa Nenek Kebayan akan muncul bila-bila masa sahaja jika dia diperlukan untuk jamu ajaibnya. Melalui lirik tersebut jelas menggambarkan keangkuhan watak nenek kebayan kerana mampu menghasilkan ramuan yang luar biasa. Nyanyian lagu tersebut juga memberikan ruang kepada audiens untuk merasa terhibur dan pada masa yang sama akan menyebabkan struktur plot cerita semakin menarik. Pada tahap elemen *Recognition*, kekuasaan dan kejahatan watak antagonis ditunjukkan apabila Nenek Kebayan telah mengurung Malik untuk mendapatkan ramuan ubat yang diciptanya. Akhirnya, lagu Rahsia awet muda berjaya menjelaskan elemen *Recognition* iaitu puncak dimana kemunculan watak dan perwatakan antagonis yang menunjukkan kekuasaannya berdasarkan daripada hubungkait *Input space 1* dan *Input space 2*.


Analisis seterusnya, pengkaji dapati ciri dan fungsi lagu bertajuk Siapa lebih berkuasa juga sesuai dengan elemen Repair dalam naratif Todorov (1960). Elemen Repair yang memberi penekanan kepada pertembungan watak antagonis dan watak protagonist dalam memperjuangkan hak masing-masing. Berdasarkan daripada lirik lagu tersebut, ia jelas mengukuhkan gambaran watak perwatakan antara antagonis dan protagonist. Ini dapat dilihat dalam rangkap lirik pertama yang dinyanyikan oleh watak protagonist iaitu Badang yang berbunyi, “*Hey Nenek Kebayan lepaskan dia! Usah undang masalah!*”. Kemudian Nenek Kebayan membalas “*Jangan menyibuk jaga tepi kain orang lain!*”. Rangkap lirik tersebut memperlihatkan kedua-dua watak yang berani, gagah dan dalam masa yang sama emosi cemas dan marah juga turut ditunjukkan. Analisis elemen Repair berdasarkan lagu Siapa lebih berkuasa dapat diterangkan melalui ciri-ciri lagu dan bentuk emosi yang ingin disampaikan melalui lagu tersebut (Jadual 3).

**Jadual 3 Ciri-Ciri Lagu Siapa Lebih Berkuasa Dalam Elemen Repair**

Ciri-ciri lagu	Bentuk Emosi/ perwatakan	Elemen Todorov/ Adegan visual
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Genre lagu: Rock</li> <li>- Instrumen Muzik: Dram, Gitar, Keyboard,</li> <li>- Melodi – Fleksibel, <i>upbeat</i>.</li> <li>- <i>Tempo: 158BPM</i></li> <li>- Struktur lirik: stail dialog</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>v. Cemas</li> <li>vi. Berani</li> <li>vii. Gagah</li> <li>viii. Marah</li> </ul>	<p><b>Repair</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Elemen yang menjelaskan tentang kedua-dua watak antagonis dan protagonist bertemu samada berakhir dengan negativ atau positif.</li> </ul>

Berdasarkan daripada jadual 3, menunjukkan ciri-ciri lagu, bentuk emosi/ perwatakan dan elemen Todorov yang terdapat dalam lagu Siapa lebih berkuasa. Lagu ini berbeza dengan yang lain kerana membawa genre lagu Rock. Melalui lagu ini, dapat dikenalpasti apabila instrument muzik seperti Dram, Gitar, Keyboard dan menghasilkan bunyi melodi rock. Tempo daripada lagu ini menghasilkan 158BPM, menunjukkan kelajuan tempo diselarikan dengan mood yang dinyanyikan oleh watak antagonis dan protagonis sekaligus memberi impak kepada adegan tersebut. Seterunya melihat dari lirik lagu yang dihasilkan, pengkaji dapati struktur lagu Siapa lebih berkuasa berbeza dengan lagu lain yang terdapat dalam filem Magika. Ini kerana, struktur lirik pada lagu ini adalah berbentuk dialog namun ditransisikan sebagai sebuah nyanyian. Untuk menjelaskan sebahagian lirik lagu Rahsia awet muda dengan lebih terperinci dapat diperhatikan melalui teori *Concept Integration Networks* (Rajah 7).

### Rajah 7. Lagu Siapa Lebih Berkuasa dalam Teori Conceptual Integration networks melalui Elemen Repair.



Sumber: Filem muzikal Magika 2010, Conceptual Integration Networks.

Berdasarkan Rajah 7 di atas, *input space 1* ialah visual atau adegan dalam cerita tersebut yang mana memaparkan Badang menerjah masuk ke rumah Nenek Kebayan untuk menyelamatkan Malik. Manakala *input space 2* adalah rangkap lirik pertama yang menjelaskan tentang kemarahan Badang terhadap Nenek Kebayan yang telah menculik Malik. Melalui lirik lagu tersebut jelas menggambarkan keberanian Badang yang tidak gentar melawan Nenek Kebayan dan audiens dapat melihat kemarahan kedua-dua watak tersebut. Nyanyian lagu tersebut memberi ruang kepada audiens untuk merasa terhibur yang menyebabkan struktur plot cerita semakin menarik. Pada tahap elemen *Repair*, kekuasaan dan kejahatan watak antagonis ditunjukkan apabila Nenek Kebayan berusaha melawan Badang untuk menghalang Malik diselamatkan. Ini menjelaskan elemen *Repair* iaitu tahap klimaks, telah ditunjukkan dalam lagu Siapa lebih berkuasa yang telah membawa plot cerita berakhir samada negatif atau positif.

## Kesimpulan

Melalui hasil analisis kajian ini, pengkaji mendapati pembentukan struktur plot filem muzikal *Magika 2010* adalah berdasarkan daripada ciri-ciri lagu yang terdapat dalam elemen naratif Todorov. Menurut Zairul Anwar (2019) elemen naratif terdiri daripada premis dan tema, watak, plot dan konflik, subplot, latar masa dan tempat, sudut pandang (pov), dan simbolisme. Setiap susunan yang dilakukan terhadap elemen naratif akan memberikan kesan atau akibat kepada elemen yang lain. Ini bermakna, setiap lagu yang dicipta harus dikaitkan dengan setiap elemen naratif dalam sesebuah babak agar audiens mudah untuk memahami keseluruhan cerita melalui penyampaian nyanyian daripada watak-watak yang terlibat.

Elemen Recognition dan Repair dalam naratif Todorov memainkan peranan yang penting dalam mengembankan plot naratif sehingga ke penamat cerita. Ini bermaksud ciri-ciri sesebuah lagu amat penting kepada filem muzikal untuk memastikan perkembangan penceritaan menarik minat audiens untuk ditonton. Ciri-ciri lagu seperti genre lagu, tempo, rentak, irama, melodi dan lirik sesebuah lagu mampu mengukuhkan sesebuah tema, mesej, watak perwatakan dalam konflik filem tersebut. Melalui analisis ini, didapati dua buah lagu iaitu lagu *Rahsia awet muda* dan *Siapa lebih berkuasa* telah memenuhi penjelasan dalam elemen Recognition dan Repair berdasarkan daripada naratif Todorov(1960). Oleh yang demikian, seorang penulis skrip, pengarah filem dan juga composer lagu, harus menguasai dan memahami fungsi lagu dalam membentuk lagu dalam elemen Recognition dan Repair agar audiens tidak merasa bosan. Penelitian terhadap fungsi lagu dalam elemen naratif juga mampu memberikan kefahaman kepada audiens untuk mengetahui jalan cerita sesebuah filem. Melalui filem muzikal *Magika (2010)*, pengkaji mendapati bahawa lagu *Rahsia awet muda* dan *Siapa lebih berkuasa* menepati ciri-ciri yang dibentangkan dalam elemen recognition dan repair.

Justeru, dalam menghasilkan genre muzikal fantasi, seorang pengarah, komposer muzik, dan penulis skrip harus menitikberatkan setiap lagu berdasarkan daripada struktur naratif Todorov yang bermula daripada *Equilibrium, Disruption, Recognition, Repair* dan *Restoration* agar mampu memberikan sebuah hiburan yang berkualiti yang standing dengan penghasilan filem muzikal Hollywood. Antara perkara utama yang harus dilakukan oleh seorang penulis skrip dan komposer muzik adalah dengan meneliti dan memahami elemen naratif yang harus ada dalam sesebuah cerita agar pembentukan sebuah lagu mudah dihasilkan dalam menggerakkan plot. Elemen naratif seperti tema, watak dan perwatakan, latar tempat dan masa, plot dan sudut pandang, konflik, perlu digarap dengan sempurna agar menjadi satu filem yang mampu memberikan impak hiburan yang sempurna. Implikasi dalam kajian ini mampu memberikan pengetahuan kepada penggiat industri filem di Malaysia khususnya di Sabah. Antaranya implikasi kajian ini yang pertama, dapat memberikan kelebihan serta mampu diguna pakai sebagai rujukan kepada penggiat filem dan juga komposer. Melalui kajian ini, ianya bermanfaat kepada penggiat filem tempatan yang bercita-cita mahu menghasilkan genre filem muzikal menerusi pendekatan teori naratif todorov. Cadangan lanjutan yang boleh dijalankan oleh para pengkaji ialah kajian tentang cara penghasilan lagu muzikal berdasarkan adegan dan keseluruhan babak dalam visual filem muzikal Malaysia. Pada pendapat pengkaji, kajian lanjutan ini mampu memberikan ilmu baru dalam genre filem muzikal Malaysia.

## Rujukan

- Anastasia Yesi Karina. (2014). Tzvetan Todorov's Narrative Theory and Cinematography means in Danny Boyle's (2010). Soegijapranata Catholic University.
- Arbaie bin Sujud. (1999). Estetika Dalam Lirik Lagu-Lagu Nyanyian P. Ramlee. Universiti Putra Malaysia.



- Cox, Terry. (2001). *You Can Write Song Lyrics* by Terry Cox. United States: F+W Publications.
- Fatma Khaled. (2018). The underlying effect of music in film and the art of film scoring. 4 April. *Egypt Today* <https://www.egypttoday.com/film-and-the-art>
- Fauconnier, Gilles & Turner, Mark. (1998). Conceptual integration networks. *Cognitive Science*. Volume 22, Issue 2, April–June 1998, Pages 133-187.
- Hizral Tazzif Hisham, (2019), *The Impact of Globalization On The Malaysia Film Industry*. IJITEE. Vol. 8, Issue 7S2, 142-148.
- Juan R. Chattah. (2018). *Film, Music, Narrative: A multidimensional Mapping Process*. ICMPC15/ ESCOM10 proceeding. 110-113.
- Juliana Abdul Wahab, Mahyuddin Ahmad, (2009), *Filem Box-Office dan Ideologi: Satu Kajian Terhadap Filem-Filem Terpilih Di Malaysia*. *Jurnal Wacana Seni*. Jilid / Vol.8.
- Khairil Anwar, (2015), *Fungsi Muzik dalam Filem: Filem Ibu Mertuaku*. (M.A, Performance Arts). Universiti Malaya.
- Low Jin Lu, Wan Amizah Wan Mahmud, (2018), *Persepsi Penonton Di Malaysia Terhadap Filem Yang Memenangi Academy Awards*. *Jurnal Wacana Sarjana*. Jilid 3 (2) 1-14.
- Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon. (2016), *Estetika Lagu-Lagu Melayu Popular (ELMP): Satu Analisis Terhadap Seni Kata Lagu*. *Jurnal RUMPUN*. Jilid 4, 97-126.
- Mohamad Zaki, Syafizah, (2006), *Genre Filem Muzikal Dalam Sinema Malaysia Tahun 1976-2006*. Universiti Teknologi Mara.
- Muhamad Faisal Ahmad. 2019. *Teater muzikal Melayu: Satu Kajian terhadap Struktur persembahan melalui pembentukan lagu dramatik*. Universiti Sains Malaysia.
- M. Keanu Adepati. 2018. *Narrative structure of the minds of Billy Milligan Novel and Split Film*. Universitas Teknorat Indonesia.
- Osaro Ewansiha. 2015. *Todorov narrative theory applied to music videos*.
- Patricia Matusky, Tan Sooi Beng. (2017), *The Music Of Malaysia: The Classical, Folk And Syncritic Traditions (Second Edition)*. London and New York. Routledge Taylor & Francis Group.
- Plemenitas, Katja. (2016). *Songs as Elements in the Generic Structure of Film Musicals*. *Elope English Language Overseas Perspectives and Enquireies*, 13(1):31